

01 OCT 2000

Haji-Bosnia /I

RAKYAT MALAYSIA DIPELAWA MELABUR DI BOSNIA DAN HERZEGOVINA

Oleh: Abdul Muin Majid

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Bosnia dan Herzegovina ingin menarik lebih banyak penyertaan rakyat Malaysia dalam aktiviti ekonominya ekoran negara itu sedang berusaha keras untuk pulih dari perang yang telah memperkenalkan dunia kepada ungkapan menyeramkan iaitu "pembersihan etnik".

Ketua Pengarah Jabatan Pelarian, Hal Ehwah Haji dan Islamnya Mirsad Mahmutovic, hari ini berkata perkara itu akan membantu negaranya mengelakkan pembabitan Serbia dalam aktiviti ekonominya.

"Kami kini menggalakkan penswastaan. Kami amat berharap ahli perniagaan Malaysia akan melabur di negara kami agar ekonomi tidak jatuh ke tangan pihak Serbia," katanya kepada Bernama semasa persidangan antarabangsa Panduan Haji pertama yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Bercakap menerusi seorang penterjemah, Mirsad berkata antara bidang yang syarikat-syarikat Malaysia boleh sertai ialah infrastruktur dan perbankan.

Beliau melahirkan penghargaan kepada semua orang Islam di seluruh dunia serta negara-negara seperti Arab Saudi, Iran dan Malaysia yang telah menghulurkan sumbangan dan bantuan dalam membina semula Bosnia dan Herzegovina berikutan perang 1992-1995.

Kira-kira 200,000 orang terkorban dan lebih 20,000 masih hilang akibat perang itu.

Mirsad berkata konflik itu telah memusnahkan sebahagian besar kediaman dan kira-kira 1,000 masjid di seluruh negara tetapi usaha sedang dijalankan untuk membina semula sesetengah daripadanya.

Masjid juga sedang dibina di kem-kem tentera dan perkara itu tidak dapat dilaksanakan sebelum ini kerana majoriti anggota pasukan tentera terdiri daripada rakyat Serbia, katanya.

"Walaupun musuh kami telah memusnahkan masjid dari muka bumi ini, kami memberitahu mereka bahawa mereka telah membina masjid dalam hati kami," katanya.

Satu lagi petunjuk kebangkitan semula Islam ialah sebelum perang, hanya terdapat sebuah sekolah agama di Bosnia dan Herzegovina berbanding tujuh buah sekolah dan kolej lanjutan Islam pada masa sekarang.

Beliau juga berkata lebih ramai rakyat Bosnia telah mengerjakan haji di Makkah.

Jumlah penduduk Islam di negara itu kini kira-kira dua juta dan kira-kira 2,500 rakyat Bosnia pergi ke Tanah Suci setiap tahun berbanding 700 atau 800 orang di bawah bekas pemerintahan Yugoslavia.

Mirsad berkata sejumlah besar orang Islam Bosnia telah melarikan diri ke Eropah, Amerika Syarikat dan Australia semasa kemuncak krisis Balkan tetapi ramai daripada mereka telah kembali ke tanah air.

Beliau berkata 100 buah pusat Islam telah ditubuhkan di negara-negara berkenaan bagi memastikan hubungan tidak terputus antara mereka dan rakyat dan kerajaan di tanah air.

Malaysia juga membuka pintu kepada keluarga Bosnia dan menerima ramai pelajar di universiti-universitinya, kata beliau.

"Apa yang kami ada sekarang ialah keazaman. Kami mahu membina semula negara kami sebagai negara Islam dan menjalin hubungan dengan jiran-jirannya secara aman dan makmur. Dan kami mahu mereka menerima Bosnia sebagai sebuah negara," katanya.

Mirsad berkata sejarah telah menunjukkan bahawa musuh-musuh Islam akan cuba memecah-belahkan orang Islam namun lambat laun mereka (orang Islam) akan mencari jalan untuk bersatu semula.

Katanya: "Konflik itu mendedahkan kepada kami siapa diri kami, siapa musuh kami dan dan siapa kawan kami.

"Apa yang kami perlu lakukan ialah bekerja keras dan melakukan apa sahaja yang perlu kami lakukan untuk membina semula negara kami."

-- BERNAMA

MAM MAM RHM RON